



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957, manakala pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Perkara 107 (1) Perlembagaan Persekutuan (PP) menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107 (2) PP pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, laporan tersebut akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 25 Julai 2022.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengurusan Aktiviti Agensi Negeri**

Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, sebanyak satu pengauditan prestasi berkaitan pengurusan projek telah dilaksanakan di peringkat negeri Terengganu seperti berikut:

#### **3.1.1. Pengurusan Projek Pembangunan Komersial di Bandar Jertih.**

- a. Secara keseluruhannya, pengurusan projek pembangunan komersial di bandar Jertih tidak memuaskan daripada aspek prestasi dan pengurusan projek.
- b. Pelaksanaan projek Terminal Bas dan Teksi dapat disiapkan dalam tempoh kontrak manakala projek Jertih Square masih dalam pembinaan dengan lanjutan masa. Pelaksanaan projek Pasar Basah dan Bazar telah terhenti pembinaannya sejak bulan Januari 2021. Bagaimanapun, projek Pusat Perdagangan Jertih (JTC) pula telah terbengkalai sejak tahun 2017. Majlis Daerah Besut (MDB) masih belum mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) bagi mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) kepada kontraktor bagi kedua-dua projek tersebut.
- c. Pengurusan projek juga tidak cekap di mana pembinaan *Sewerage Treatment Plant* (STP) dilaksanakan tanpa kelulusan Indah Water Konsortium (IWK). Selain itu, MDB telah mengenakan LAD kepada kontraktor walaupun CNC belum dikeluarkan. Kontrak perjanjian bagi projek JTC serta Pasar Basah dan Bazar juga lewat dimuktamadkan masing-masing 612 hari dan 281 hari.

## **3.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

Pengauditan merangkumi tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri Terengganu telah dilaksanakan seperti berikut:

### **3.2.1. Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu**

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap aktiviti utama, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan mendapati:

- a. objektif YPU untuk mempertingkatkan jalinan keusahawanan sedia ada serta menyediakan kemudahan prasarana pembangunan telah dicapai. Program pembangunan usahawan telah membantu usahawan dalam menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Skim pembiayaan serta kemudahan sewaan premis pula telah membantu usahawan tempatan memperkembangkan lagi perniagaan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang ramai. Namun objektif untuk meningkatkan bilangan usahawan kelas menengah yang berwibawa ke tahap global masih belum dicapai. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan antaranya tidak menetapkan mekanisme penilaian pencapaian keberhasilan aktiviti, bayaran balik pinjaman tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dan perjanjian sewaan tidak diperbaharui;
- b. aspek tadbir urus korporat adalah memuaskan tetapi memerlukan penambahbaikan selaras dengan amalan terbaik korporat; dan

- c. kedudukan kewangan menunjukkan syarikat berada pada tahap stabil.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan dan Ketua Pegawai Eksekutif telah dimaklumkan mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan dan pengurusan syarikat berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan tujuh syor terhadap pengurusan aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2020 Siri 1 ini dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 25 Julai 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 25 Julai 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia

25 Julai 2022 M  
25 Zulhijjah 1443 H